

21 MAY 2002

Adnan-Tioman

RM30 JUTA BAGI PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR PULAU TIOMAN

KUANTAN, 21 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Menteri Kewangan telah meluluskan peruntukan RM30 juta bagi pelbagai projek pembangunan infrastruktur di Pulau Tioman, kata Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob.

Beliau berkata, kerajaan negeri telah menerima surat kelulusan dan juga waran daripada Ketua Setiausaha Perbendaharaan, mengenai kelulusan pelbagai projek pembangunan itu semalam.

Menurutnya, peruntukan bagi membangunkan infrastruktur itu adalah bersesuaian dengan pengisytiharaan Pulau Tioman sebagai sebuah Pulau Bebas Cukai.

"Kerajaan negeri ingin berterima kasih kepada Perdana Menteri kerana kelulusan berkenaan, kerana dengan adanya peruntukan itu ianya akan memberikan kesan besar kepada pemodenan dan peningkatan kemudahan Pulau Tioman," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat pembangunan negeri di sini hari ini.

Pada 16 Jan lepas, Dr Mahathir mengesahkan Pulau Tioman akan mendapat taraf bebas cukai bagi menarik lebih ramai pelancong. Tioman akan menjadi pulau ketiga mendapat taraf pulau bebas cukai selepas Langkawi dan Labuan.

Adnan berkata, antara komponen yang terlibat dengan kelulusan itu ialah pembinaan jalan simen bagi menghubungkan semua kampung, pembinaan dan penggantian jambatan kayu, pembinaan jalan dari Kampung Tekek ke Kampung Juara, pembinaan sebuah alat pembakaran sampah dan juga pelbagai projek infrastuktur kecil yang lain.

Menurutnya, projek-projek itu akan dilaksanakan secepat mungkin.

Adnan juga berkata, beliau sedang menyiapkan satu kertas cadangan bagi mendapatkan peruntukan RM200 juta daripada kerajaan pusat bagi projek bekalan air di Pahang.

Menurutnya, peruntukan itu diperlukan bagi menaiktaraf keupayaan loji pemprosesan dan juga menggantikan paip-paip air lama.

-- BERNAMA

HIS MAI